

Dasar Ekonomi Madani dan Kreativiti dalam Novel *Neon*

The Madani's Economic Policy and Creativity in Neon

Nur Asyiqin Ibrahim

¹Mawar Safei

Program Persuratan Melayu
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence email: ¹mawar.safei@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kesusasteraan rata-rata menjadi wadah penyampaian ilmu kepada khalayak, termasuk pernyataan tentang ekonomi. Pengarang Imaen memanfaatkan novel Neon (2018) sebagai alat untuk mengapresiasi ilmu ekonomi yang secara tidak langsung merupakan idiosinkrasi pengarang. Latar belakang pengarang sebagai graduan lulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi di Universiti Malaya dan seorang pengusaha Jemari Seni Publication, menguatkan hujahan ekonomi yang dibangunkan. Fokus penceritaan ini memberatkan kelangsungan hidup watak Neo yang dilanda masalah kewangan kesan kesenjangan ekonomi negara. Kajian ini tertumpu kepada gambaran sosioekonomi dalam Neon berdasarkan rukun Madani dan menghurai cabaran ekonomi Madani dalam Neon. Kajian kepustakaan diaplikasi untuk memperoleh bahan dan data. Hasil perbincangan tertumpu pada tema, watak, latar dan laras bahasa ekonomi. Kerangka ekonomi Madani yang terdiri daripada enam rukun iaitu kemampuan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan dihubungkan dengan peranan watak dalam sosioekonomi. Kerumitan, percanggahan dan kekacauan merupakan halangan dalam kerangka Madani yang menjadi teras interpretasi cabaran ekonomi yang dihadapi watak dalam novel. Kekreatifan Imaen menyadur ekonomi dalam sastera menyumbang idea tinjauan ini. Penulisan ini menfokuskan pengamatan terhadap kreativiti dan strategi naratif Neon dengan melihat peranan dan reaksi watak-watak dalam sebuah ekonomi berdasarkan penyesuaian kerangka dasar ekonomi Madani.

Kata kunci: ekonomi, kerangka ekonomi Madani, kesusasteraan Melayu, novel Neon, novelis Imaen

ABSTRACT

Literature was using for delivering knowledge to the reader continuously, include economic. Imaen as an author of Neon (2018), highlighting an economic knowledge as his idiosyncratic. His background as a graduate student of Bachelor of Economics at University of Malaya and entrepreneur for Jemari Seni Publication was strengthened his argument of economic. The novel focused on Neo's character that facing unstable financial influence by bad economic environments. This research were focused on the socioeconomic in Neon based on the pillars of Madani and describe the challenges of the civil economy in Neon . Literature review applied to obtain materials and data. The discussion focused on theme, character, setting and economic language style. Six pillars of Madani's economic framework were namely sustainability, well- being, invention, respect, confidence and courtesy were applied to see relationship between social and economic in this novel character. The complexity, contradictions and chaos that include in Madani's framework are the core of economic challenges interpretation. The writing focuses on creativity and narrative strategy of Neon with the adaptation of Madani's economic policy framework. Creativity of Imaen combine economic in literature was contribute to this review. The mix of literature and economics in this novel is a creative attraction by looking at the roles and reactions of the characters in an economy.

Keywords: *economic, Madani's economic framework, Malay literature, Neon novel, Imaen novelist*

1. Pengenalan

Kesusasteraan bermakna segala penghasilan sastera yang dinikmati atau disampaikan, baik melalui tulisan dan pembacaan mahupun melalui lisan dan pendengaran (Harun Mat Piah. 2006). Berdasarkan kenyataan ini, kesusasteraan menjadi alat penyampaian ilmu yang diserap daripada pengamatan pendidikan formal mahupun tidak formal. Wilbur Schramm (1982) menyatakan tiga elemen utama yang terlibat dalam komunikasi iaitu sumber (*source*), saluran (*channel*) dan penerima (*receiver*). Hal ini berkait rapat dengan karya kesusasteraan sebagai agen komunikasi (sumber) kepada khalayak pembaca. Berdasarkan elemen yang dinyatakan Wilbur Schramm tersebut, saluran merupakan pemaparan watak dalam karya yang digunakan penulis untuk menyampaikan idea supaya hujahan yang dibangunkan diperolehi khalayak (penerima). Karya sastera bukanlah semata-mata mempersembah kekreatifan pembinaan kata tetapi di sebalik itu tersurat idea daripada pelbagai bidang. Halis Azhan Mohd. Hanafiah (2013) menyatakan karya sastera tidak dihasilkan dengan kekosongan makna, malah menegaskan bahawa pemahaman terhadap sesebuah karya sastera itu dapat diperkukuhkan lagi dengan maklumat-maklumat yang terdapat dalam teks-teks bukan sastera. Teks-teks bukan sastera tersebut merujuk kepada pengetahuan dalam bidang sosiologi, politik, geografi dan ekonomi.

Perkataan ekonomi berasal daripada perkataan latin *oeconomicus* dan *oikonomikos* dari Greek (Clarence, 1998 dlm Basri Abd Ghani, 2004). Menurut istilah *oeconomicus* ini, dapatlah disimpulkan bahawa ekonomi ialah peraturan-peraturan untuk menyelenggarakan keperluan hidup manusia dalam rumah tangga, baik dalam rumahtangga individu mahupun dalam rumahtangga bersifat kolektif dalam sesebuah negara (Basri Abd Ghani, 2004). Steven R. Hursh (1980) seiring dengan beberapa sarjana seperti Allison, Miller dan Wozny (1979), Lea (1978), Rachlin, Green, Kagel, dan Battalio (1976) dan Staddon (1979) menyatakan konsep ekonomi sebagai analisis tingkah laku. Tingkah laku ekonomi bermaksud keadaan ekonomi yang dicorakkan oleh perilaku individu atau masyarakat. Perkara ini bermakna setiap masyarakat berperanan menyumbang kelangsungan ekonomi sama ada berperanan sebagai tenaga kerja, pengguna dan usahawan. Hal ini dijelaskan lagi oleh Abdullah Abd Aziz Abid (1985) bahawa ekonomi ialah suatu ilmu yang mempelajari tentang perlakuan individu dan masyarakat dalam menggunakan faktor-faktor pengeluaran yang terbatas untuk menghasilkan barangan dan perkhidmatan yang mereka perlukan.

Konteks ekonomi dalam karya sastera dapat dirujuk pada naskhah terbitan Jemari Seni Publication iaitu *Neon* (2018) karya Imaen. Allahyarham Imaen atau Mohd Rosdi Mohd Zin merupakan seorang penulis prolific sepanjang hayatnya. Antara karya beliau ialah *Labyrith* (2007), *Bohemian* (2008), *Sigaraning* (2009), *Seikat Kembang Merah* (2010), *Hotel Meow-Meow* (2011), *Blues Retro* (2011), *Urusan Cinta Belum Selesai* (2012), *Cinta Mat dan Minah* (2014), *Gedebe* (2015) dan *Neon* (2018). Keselesaian Imaen membuahkann cetusan ekonomi dalam *Neon* (2018) adalah dengan dukungan latar pendidikan sebagai graduan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi di Universiti Malaya. Selain itu, Imaen turut terlibat menjayakan syarikat penerbitannya sendiri iaitu Jemari Seni Publicaton. Kekreatifan Imaen menyadur ekonomi dalam sastera menyumbang idea penulisan ini. Perilaku individu dalam ekonomi ditonjolkan oleh Imaen sehingga tercetus gambaran sosioekonomi dan cabaran ekonomi yang dihadapi watak. Oleh hal yang demikian, novel ini sesuai dijadikan bahan kajian kerana memperkatakan idea berkaitan ekonomi yang bersifat realiti selain menyampaikan latar kesenjangan ekonomi. Idea yang dibangunkan Imaen dalam novel tersebut sesuai digandingkan bersama dasar ekonomi Madani supaya dapat memenuhi penelitian ini.

Konsep Madani sering dikaitkan dengan negara kota Madinah. Madinah itu melambangkan masyarakat yang berakhlak luhur sehingga menadi penanda aras kepada maju mundurnya masyarakat yang datang selepas ini (Md. Asham bin Ahmad, 2023). Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2023), perkataan ‘Madani’ membawa maksud maju dari segi

pemikiran, kerohanian dan kebendaan (masyarakat, generasi dan sebagainya). Madani juga memberi konotasi sebagai usaha untuk membentuk masyarakat dengan menyuntik nilai-nilai murni kekeluargaan dan kurikulum yang terarah kepada pembinaan masyarakat (Shuhairami Abdullah, et al, t.t). Mereka menjelaskan lagi konsep Madani yang menitik beratkan kepada masyarakat yang diurus dengan baik dan mencapai tujuan pembinaan peradaban bangsa. Melalui perkara tersebut, rukun Madani seperti kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan tercipta atas dasar tujuan dapat dijadikan panduan kepada masyarakat. Enam rukun Madani ini juga menjadi tunjang untuk melihat hubungannya dengan sosioekonomi watak dalam novel *Neon*. Kerumitan, percanggahan dan kekacauan yang terkandung dalam kerangka Madani diaplikasi untuk mengenal pasti cabaran ekonomi dalam *Neon*.

2. Tinjauan literatur

Kajian ekonomi dalam karya sastera, menarik untuk ditinjau. Terdapat beberapa kajian ekonomi terhadap novel seperti yang dijalankan Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Salinah Ja'far, Mardian Shah Omar dan Mawar Safei (2021) yang bertajuk "Novel-Novel Terpilih Azmah Nordin dari Perspektif Wanita dalam Ekonomi." Fokus perbincangan mereka ialah berkaitan peranan wanita dalam ekonomi. Peranan wanita ini dapat dilihat dalam novel-novel terpilih Azmah Nordin iaitu *Menongkah Lumrah* (1996), *Singgahmata* (1997) dan *Syumul* (1999). Secara ringkas, berdasarkan kajian mereka terhadap ketiga-tiga novel Azmah Nordin, mereka memperlihatkan seorang wanita yang menceburi bidang keusahawanan dalam perusahaan makanan dan restoran, perusahaan teknologi maklumat dan perusahaan dalam bidang telekomunikasi. Konsep ekonomi Normaz Wana Ismail (2009), A. C. Pigou (1981) dan Alfred Marshall (1981) diaplikasi untuk menganalisis peranan wanita yang memberi sumbangan kepada ekonomi. Berdasarkan kajian ini, mereka menyetengahkan dan mengangkat status wanita dalam sesebuah ekonomi.

Kajian oleh Asyraff Jamin dan Mary Fatimah Subet (2021) bertajuk "Realisme Ekonomi Masyarakat Malaysia dalam Karya Indie" menggunakan bahan kajian seperti *Aku Rindu 90's* (2012) karya Wan Shafiq, *Surat-Surat Untuk Kaheerah* (2009) karya Maisarah Mansor, *Kunang Pesisir Morten* (2015) karya Raiha Bahaudin dan *Budak Kelas Belakang* (2019) karya Emylia Mohd Nor. Isu-isu ekonomi seperti kenaikan harga barang, dominasi perniagaan oleh kaum Cina, keseimbangan ekonomi dan aktiviti keusahawanan dibincangkan pengkaji dengan menggunakan pendekatan realisme oleh Georg Lukacs supaya dapat mengenal pasti nilai estetika berdasarkan prinsip Georg Lukacs yang mendukung sastera sebagai alat menentang dominasi ekonomi. Secara keseluruhannya, pengkaji ini melihat karya indie sebagai wadah kritikan sistem ekonomi yang kurang menguntungkan masyarakat tempatan. Namun begitu, pengkaji ini juga telah mengenal pasti sudut positif karya indie dengan menggambarkan kestabilan ekonomi yang memberi kesan baik kepada kehidupan masyarakat. Perkara ini seiring dengan hujahan pengkaji bahawa karya indie bukanlah semata-mata membawa mesej atau kritikan negatif tetapi memberi saranan untuk melakukan perubahan yang membawa kepada kemajuan masyarakat. Rumusnya, pendekatan George Lukacs ini membuktikan realiti ekonomi yang terpaksa dihadapi masyarakat tempatan seperti yang terkandung dalam *Aku Rindu 90's* (2012), *Surat-Surat Untuk Kaheerah* (2009), *Kunang Pesisir Morten* (2015) dan *Budak Kelas Belakang*.

Rahimah A. Hamid (2019) dalam kajiannya terhadap cerpen selepas merdeka yang bertajuk "Isu Politik dan Ekonomi dalam Cerpen Pascamerdeka" membincangkan isu politik dan ekonomi di tiga buah negara Asia Tenggara seperti Malaysia, Indonesia dan Brunei.

Antara cerpen Indonesia ialah *Kuli Kontrak* oleh Mochtar Lubis, *Tikus dan Manusia* oleh Trisno Sumardjo, *Anak Revolusi dan Gadis Bekasi* oleh Pramoedya Ananta Toer manakala cerpen dari Malaysia ialah *Mereka Tidak Mengerti* oleh Keris Mas (1959), *Debu-Debu Berterbangan* oleh Zanariah Wan A. Rahman (1970), *Keluarga Wak Daeng* oleh Arenawati (1963), *Tanah Bukit* oleh Jong Chian Lai (1984), *Kucing* oleh Azizi Haji Abdullah (1989) dan *Malam Terakhir* oleh Hassan Ali (1960). Cerpen-cerpen Brunei pula ialah *Lelaki Bermata Besar Berperut Buncit* oleh Haji Mohd Abidin Haji Rashid, *Awang Piun Baru* oleh Nurfik, *Hidup* oleh Norsiah M.S, dan *Teropong, Kapak dan Kasut* oleh Rosli Abidin Yahya. Konteks ekonomi yang dapat dirangkumkan dalam kajian Rahimah A. Hamid ini ialah aktiviti monopoli oleh golongan penjajah terhadap aktiviti pertanian di tanah jajahan dan menjadikan masyarakat tempatan sebagai kuli. Secara tidak langsung, pengkaji ini menggambarkan kepayahan masyarakat tempatan semasa pentadbiran kolonial barat di samping kemiskinan yang mendesak mereka untuk meneruskan aktiviti ekonomi di bawah penguasaan penjajah. Desakan kemiskinan masyarakat era kolonial menjadikan mereka tiada pilihan selain turut serta terhadap aktiviti ekonomi yang dikuasai kolonial Barat.

Siti Normala Hamzah (2021) dalam kajiannya bertajuk “Pencitraan Polemik Ekonomi Orang Melayu dalam Filem *Abang*” tertumpu kepada transformasi masyarakat Melayu dari segi kuasa dan material. Selain itu, hasil dapatan kajian beliau juga membuktikan terdapat polemik jati diri dalam kalangan masyarakat Melayu dalam filem *Abang*. Perkara-perkara tersebut berlangsung akibat pembangunan ekonomi kesan daripada Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang memberi peluang ekonomi kepada masyarakat Melayu. Dalam kajian beliau terhadap filem *Abang* ini, peluang ekonomi dalam kalangan masyarakat Melayu telah mewujudkan kekayaan terhadap mereka yang secara tidak langsung telah mengubah nilai sosial kehidupan akibat pertembungan budaya Timur dan Barat. Jati diri Melayu seperti bahasa dan pakaian

Ahmad Redzaudin Ghazali, Mohd Rofian Ismail dan Khairatul Akhmar Abd Latif (2022) dalam kajian mereka bertajuk “Tema Kemiskinan dalam Novel *Bidayah Wa Nihayah* dan *Ranjau Sepanjang Jalan*: Analisis Perbandingan”, mereka menggunakan teori perbandingan tematik untuk menganalisis tema kemiskinan antara dua buah novel tersebut. Teks *Bidayah Wa Nihayah* (1949) karangan Najib Mahfuz dan *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966) karya Shahnnon Ahmad memaparkan perbezaan latar tempat iaitu Mesir dan Malaysia. Berdasarkan hasil analisis kajian mereka, isu kemiskinan tergambar dalam kedua-dua buah karya tersebut. *Bidayah Wa Nihayah* amat sinonim dengan permasalahan realiti masyarakat Mesir dalam ekonomi yang tidak memihak kepada mereka akibat daripada pemerintahan Muhammad Ali di Mesir yang merampas tanah-tanah milik para petani. Selain itu, penjajahan kolonial Barat dan kejatuhan ekonomi Mesir selepas perang dunia kedua juga menambah beban masyarakat Mesir. Situasi ini menyebabkan Najib Mahfuz menyampaikan situasi kepayahan masyarakat melalui karya *Bidayah Wa Nihayah*. Manakala, *Ranjau Sepanjang Jalan* pula memperlihatkan realiti hidup masyarakat Melayu miskin luar bandar yang menjurus kepada aktiviti pertanian. Aktiviti pertanian seperti bersawah kurang menguntungkan menyebabkan masyarakat Melayu ‘kais pagi makan pagi, kais petang makan petang’. Kedua-dua karya ini juga memaparkan persamaan perkembangan tema dan perkembangan plot iaitu tema

kemiskinan dan kelangsungan hidup wanita selepas kematian suami yang merupakan kunci rezeki dan kekuatan kepada sebuah keluarga.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian tersebut menyatakan peranan wanita dalam ekonomi, kemiskinan, kenaikan harga barang, kemajuan ekonomi orang Melayu, dominasi perniagaan oleh antara kaum, keseimbangan ekonomi dan aktiviti keusahawan serta monopoli ekonomi daripada golongan penjajah. Hampir kesemua kajian ini kurang menyentuh perubahan sosioekonomi dan cabaran ekonomi dalam karya sastera. Isu ini dapat dilihat dalam novel karangan Imaen iaitu *Neon* (2018). Selain itu, pengaplikasian kerangka Madani dalam kajian sastera masih belum terdapat penemuan oleh penkaji-pengkaji lepas. Oleh hal yang demikian, novel *Neon* akan dijadikan bahan untuk meneliti keadaan sosioekonomi dengan menggunakan kerangka dasar ekonomi Madani yang meliputi enam rukun Madani. Ia termasuk kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Halangan ekonomi yang terkandung dalam kerangka Madani seperti kerumitan, percanggahan dan kekacauan digunakan untuk menganalisis cabaran ekonomi dalam *Neon* yang wujud akibat ketiga-tiga halangan tersebut.

3. Metodologi kajian

Kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif iaitu kajian kepustakaan. Ia meliputi aktiviti pengumpulan data daripada terbitan buku, majalah, surat khabar, tesis, jurnal dan bahan-bahan terbitan dalam talian. Data terkumpul bertujuan memberi sokongan semasa penghasilan kajian supaya fakta atau pendapat ditentusahkan oleh hasil penulisan ilmiah yang lepas. Kajian ini dimulakan dengan mengenal pasti bahan kajian dan disusuli pencarian maklumat-maklumat tambahan. Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL) dan Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (PATMA) menjadi sumber pencarian maklumat utama. Kajian ini juga akan menggunakan maklumat dalam talian seperti jurnal dalam talian.

Madani ialah akronim daripada perkataan kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Penjelasan tentang setiap rukun Madani adalah seperti berikut:

1. KeMampanan: kemajuan mutu kehidupan bangsa dalam acuan yang seimbang antara manusia dan alam, bernuansakan citra Malaysia yang unik.
2. KesejAhteraan: membawa makna keseimbangan atau lebih tepat lagi kehidupan dan segala sisinya yang terangkum dalam keseimbangan.
3. Daya cipta: mengandungi beberapa konotasi antaranya pembaharuan, reka cipta dan reka baharu.
4. HormAt: mengandungi konotasi maruah manusia. Suatu kalimat lain berasal daripada bahasa arab.
5. KeyakiNan: keyakinan punyai kaitan yang erat dengan aamanah yakni suatu ikrar pertanggungjawaban moral duniawi dan ukhrawi.
6. Ihsan: ihsan itu sinonim dengan makna peduli dan belas kasihan.

Madani dirangka untuk mencorak dasar bagi elemen ekonomi dan kewangan, perundangan, institusi, pendidikan, kemasyarakatan, kebudayaan, bandar dan luar bandar (Anwar Ibrahim 2022: 32). Elemen ekonomi dan kewangan dalam kerangka ini menjadi panduan untuk membentuk kajian ini. Untuk mencapai kestabilan ekonomi dengan mengambil kira setiap rukun Madani, pasti terdapat halangan dan cabaran. Berdasarkan kerangka dasar ini, terdapat tiga halangan untuk mencapai ekonomi Madani iaitu:

1. Kerumitan wujud atas dasar kemajmukan agama dan kaum, bandar dan luar bandar.

2. Percanggahan yang wujud daripada institusi, birokrasi, kumpulan berkepentingan, parti-parti pembangkang, demonstrasi, gerakan radikal atau perhimpunan jalanan.
3. Kekacauan iaitu mengambil kira dampak domestik, global dan perubahan iklim terhadap negara.

Cabaran ekonomi dalam kreativiti novel *Neon* yang wujud akibat kerumitan, percanggahan dan kekacauan akan dibuktikan melalui peristiwa-peristiwa yang dapat dikaitkan dengan ketiga-tiga bentuk halangan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana karya ini menyentuh cabaran ekonomi sehingga memaksa watak untuk bertahan dan berfikir supaya dapat menangani masalah tersebut. Penelitian mengenai cabaran ekonomi bukan sahaja dilihat melalui watak malah turut meninjau gagasan Imaen terhadap isu sesebuah negara.

4. Dapatan dan Perbincangan

Hasil dapatan membincangkan perspektif sosioekonomi dan cabaran ekonomi Madani dengan menggunakan karya *Neon* (2018).

4.1 Sosioekonomi Madani

Sosioekonomi merupakan perkaitan sosial dan ekonomi yang saling bergantung antara satu sama lain. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2023) menyatakan definisi sosioekonomi sebagai unsur-unsur atau faktor-faktor kemasyarakatan dan ekonomi. Ukuran sosioekonomi mengambil kira pemboleh ubah pendapatan, pendidikan, pekerjaan, kawasan demografi dan keluasan rangkaian individu (Sheila Michael, et al. 2021). Berdasarkan pernyataan-pernyataan tersebut, sosioekonomi melihat aktiviti sosial masyarakat yang dipengaruhi faktor ekonomi. Hal ini bermakna sosioekonomi merujuk kepada corak aktiviti ekonomi yang terbentuk daripada faktor sosial. Berdasarkan corak aktiviti ekonomi, ia dapat menggambarkan status sosioekonomi seseorang sama ada berada pada tahap miskin, sederhana dan kaya.

Madani merupakan akronim kepada perkataan kemampuan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Seluruh kata tersebut juga dikenali sebagai rukun Madani iaitu tiang atau panduan kepada pembentukan dasar dan tindakan masyarakat supaya mencapai negara Madani. Melalui enam rukun tersebut, ia akan diaplikasi untuk meneliti pengaruh rukun Madani terhadap sosioekonomi dalam novel tersebut.

Kemampuan mengikut kerangka dasar Madani merujuk kepada kelewahan majuan mutu kehidupan bangsa acuan yang seimbang antara manusia dan alam, bernuansakan citra Malaysia yang unik (Anwar Ibrahim. 2022). Beliau juga menyatakan kemampuan dalam kerangka tersebut sebagai mensyaratkan kesejahteraan dan keseimbangan. Dengan pengertian saling menghormati dan mengasihi sesama manusia, dan juga terhadap alam sekitar termasuk haiwan dan tumbuhan. Rukun pertama ini menjadi panduan kepada masyarakat supaya dapat merealisasikan kesejahteraan antara manusia.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2023) menyatakan definisi kesejahteraan sebagai keselamatan, kesenangan hidup, kesentosaan dan ketenteraman manusia. Sebelum Neo menerima tampanan kesenjangan ekonomi negara yang menempias pekerjaan dan kewangan, rutin ekonomi beliau tergambar berdasarkan kerangka dasar Madani iaitu kesejahteraan hidup. Keadaan kewangan Neo yang baik memberi peluang kepada beliau untuk memiliki kesenangan

dari segi fasiliti, keselamatan dan kemewahan yang secara tidak langsung memberi motivasi hidup tatkala beliau menafikan keadilan Tuhan.

Kesenangan Neo tersebut dapat dilihat apabila beliau mampu membiaya kos makanan mewah di Restoran Tipu Sultan. Perkara tersebut mengejutkan Liza apabila melihat menu dengan harga yang sangat tinggi. Perbualan tersebut ternyata dalam dialog ini:

Liza angguk. “Ya...tapi pelik nama restoran ni. Tipu Sultan. Dan harga dia boleh tahan.” Tadi, sebaik saja dia tengok harga makanan di *menu stand* ketika menunggu dia tertanya-tanya kenapa Neo ajak dia ke sini, siap tempah meja lagi. Nak kata hari lahir Neo, bulan lepas dah sambut.

(*Neon*, 2018: 8)

Restoran Tipu Sultan bukanlah berlatar di Kuala Lumpur City Centre (KLCC) seperti yang disebut Imaen dalam *Neon* tetapi realitinya, ia dapat ditanggapi sebagai sebuah restoran yang bercawangan di Nottingham, Birmingham, Leicester dan Manchester. Imaen menyisipkan latar restoran tersebut sebagai cerminan terhadap kemewahan hidup watak Neo. Hal ini dibuktikan melalui perbezaan nilai mata wang Malaysia yang lebih rendah dengan Nottingham, Birmingham, Leicester dan Manchester kerana nilai mata wang bandar tersebut ialah Pound Sterling. Jika ditukar nilai Pound Sterling kepada Ringgit Malaysia, jumlah wang dalam bentuk ringgit akan menjadi lima kali ganda daripada nilai asal Pound Sterling. Corak perbelanjaan Neo bersifat mewah kerana nilai pendapatannya tinggi kerana bekerja sebagai perancang ekonomi di institusi bank swasta Jacob and Cohen. Perkara ini berkait rapat dengan keterangan Sheila Michael, Abdul Said Ambutong, Mohamad Nizam Nazarudin & Christina Andin (2021) yang menyatakan bahawa pendapatan merupakan pemboleh ubah terhadap sosioekonomi. Dalam hal ini, Neo dianggap berstatus kaya kerana mampu menampung perbelanjaan tinggi di restoran tersebut.

Kemampuan yang menitik beratkan kesejahteraan manusia juga tidak dapat dicapai dalam novel ini kerana watak Neo menghadapi masalah pengangguran yang mendorongnya hidup sebagai gelandangan. Perkara ini merujuk kepada Neo yang tidak mencapai kesejahteraan kewangan semasa ekonomi negara meruncing. Selepas perlucutan jawatan sebagai perancang ekonomi di sebuah bank swasta, Jacob and Cohen, beliau tidak dapat mengamalkan rutin seperti sedia kala. Keluhan tidak dapat berbelanja di pusat beli belah kegemarannya tertulis pada petikan tersebut:

Selalunya dia membeli belah di Jaya Grocer, B.I.G., Presto Grocery atau Cold Storage, pasar raya untuk orang yang ada-ada, tapi petang ini dia hanya berani ke Pasar Raya Giant saja. Akan jimat banyak ringgit juga. sebulan dua lagi, mungkin dia terpaksa membeli-belah di Mydin atau pasar malam saja.

(*Neon*, 2018: 115)

Pada fasa ini Neo hanya menggunakan wang pampasan untuk mengisi keperluan sementara mendapat pekerjaan baru. Penyataan yang digambarkan Imaen pada petikan tersebut sedikit sebanyak menjelaskan kejatuhan taraf hidup watak utama yang mempengaruhi rutin hariannya. Pendapatannya daripada wang pampasan kini hanya terhad untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, utiliti dan tempat tinggal. Walaubagaimanapun, wang pampasan dan simpanannya tidak dapat menampung perbelanjaannya selama setahun. Bukan sahaja untuk memenuhi keperluan tersebut malah Neo menampung kos modal perniagaan yang cuba dibangunkan beliau. Sebagai contoh, perniagaan pakaian dan perkhidmatan cuci kenderaan. Hasil perniagaan tersebut merugikan beliau kerana menghadapi halangan daripada

pihak berkuasa dan kumpulan gangster yang menyekat Neo untuk mencari rezeki di kawasan mereka.

Mengikuti perspektif kerangka Madani, kesejahteraan mempunyai hubungan dengan keseimbangan dalam semua aspek kehidupan. Kesejahteraan juga ada hubungan yang bersejarah dengan kalimat bahasa Arab ‘al-falah’, yang bermaksud kejayaan dan kebahagiaan yang dirasakan hasil daripada pengalaman kerohanian membersihkan jiwa dalam mentaati perintah ‘Allah Azza Wajalla’ (Anwar Ibrahim, 2022). Perkara ini bermakna, kesejahteraan wujud pada diri akibat kemampunan rohani individu sehingga wujud keseimbangan duniawi dan ukhrawi.

Unsur rohani ialah unsur yang paling penting dalam pendidikan insan kerana ia mendorong manusia untuk beramal soleh dan memantapkan jiwa manusia dalam menghadapi pelbagai bentuk ujian (Mohd Fuad Othman, et al, 2017). Pernyataan tersebut berkait dengan ketersediaan mental manusia mengharungi cabaran masa depan. Matlamat kecerdasan rohaniah menurut perspektif Islam adalah bermatlamat membentuk kekuatan dalaman manusia dengan taat, mengembalikan fitrah, menguatkan diri dalam menghadapi cabaran, menghargai masa dan rasa tanggungjawab (Elmi Baharuddin & Zainab Ismail, 2016).

Walaupun Neo berjaya mencapai kesejahteraan ekonomi apabila bekerja di bawah Syarikat Khomeini iaitu Tengkorak Press, perasaan bahagia dalam ekonomi tidak tercapai kerana budaya kerja yang bertentangan dengan konsep ketaatan kepada ‘Allah Azza Wajalla’. Perkara ini berlaku berikutan syarikat naungan Khomeini menerbitkan karya-karya yang mempunyai unsur hasutan yang memberi impak negatif kepada negara. Tambahan pula, Neo didesak oleh Khomeini untuk menyertai rompak bank yang secara tidak langsung memberi kesan buruk kepada ekonomi negara. Neo berjaya membebaskan diri dari cengkaman Khomeini apabila beliau memberi khabar ‘olok-olok’ mengenai penerimaan beliau diterima bekerja di sebuah kilang milik syarikat Malaysia JV yang bekerjasama dengan sebuah syarikat US yang terletak di Nilai. Neo juga merasa tidak selesa bekerja di bawah tampuk Khomeini dan terpaksa hidup di rumah Khomeini bersama seorang perempuan bernama Ceo. Keimanan Neo terhadap Allah SWT tersemam selepas beliau hidup sebagai gelandangan dan dipimpin oleh Pak Man iaitu seorang gelandangan yang sentiasa mendorong beliau ke arah ukhrawi. Keakraban dengan Tuhan menjentik hati Neo supaya mencari pekerjaan baru seperti yang dinukilkan Imaen dalam dialog tersebut:

“Aku nak berhenti kerja.”

Khomeini pandang wajah Neo dengan wajah berkerut dan terkejut. Tapi dia tak bertanya apa-apa, sebaliknya dia terus membaca surat itu

Neo diam beberapa saat. “Ada kerja kosong kilang kawan aku...HR.” itu yang Neo rasa jawapan paling selamat tanpa perlu berbohong.

(Neon, 2018: 392)

“Kilang baharu, syarikat Malaysia JV dengan sebuah syarikat dari US, dekat-dekat Seremban.” Neo jawab panjang sikit untuk meyakinkan Khomeini, tapi tak beritahu kilang itu sebenarnya di Nilai takut nanti Khomeini senang cari dia selepas ni.

(Neon, 2018: 393)

Neo menguatkan mental untuk berhenti kerja setelah Khomeini mengambil beliau sebagai pekerja selang beberapa hari selepas Neo dibelasah oleh kumpulan gangster. Hal ini juga merupakan halangan yang terbit dari rasa budi yang ditabur Khomeini kepadanya. Namun, atas faktor keimanan dan tanggungjawab kepada Allah SWT, Neo menguatkan hati untuk bekerja di tempat lain supaya memperoleh rezeki halal. Sebelum ini, Neo memasarkan produk buku yang bersifat sosialis yang sememangnya bertentangan dengan amalan demokrasi. Konsep sosialisme adalah suatu bentuk ideologi dan gerakan yang bermatlamat untuk meningkatkan taraf hidup melalui kaedah kolektif, secara tidak langsung mewujudkan sistem

sosioekonomi yang memiliknegerakan harta-harta peribadi yang berlebihan (Md Hasri Rajali, 2016). Pemikiran tersebut jika mempengaruhi pemikiran anak-anak muda, ia akan mengganggu kesejahteraan sosioekonomi masyarakat. Dalam hal ini, Neo tidak mencapai kesejahteraan ekonomi buat sementara waktu kerana melepaskan jawatannya. Secara tidak langsung, menjejaskan pendapatannya. Dalam hal ini ia menggambarkan status sosioekonomi Neo yang berada pada tahap sederhana kerana tempoh pengangguran Neo adalah sementara sebelum memperoleh pekerjaan di syarikat farmasi.

Daya ialah kalimat yang membawa maksud kekuatan, tenaga, keupayaan dan kemampuan (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2023). Kamus Dewan juga menetapkan makna cipta sebagai angan-angan, cita, fikiran dan renungan. Berdasarkan definisi daya dan cipta, ia merupakan kebolehan seseorang memikirkan idea penyelesaian masalah atau pembaharuan. Daya cipta dari sudut pandang Madani, kalimat daya cipta mengandungi beberapa konotasi, antaranya pembaharuan, reka cipta, dan reka baharu (Anwar Ibrahim, 2022). Rekaan itu sendiri merupakan teras utama daya cipta. Rekaan mengandaikan dua konsep penting, pertamanya, ia diniatkan dan proses mencapainya telah dirancang. Keduanya, daya cipta tidak akan menghasilkan sesuatu apa pun tanpa kreativiti (Anwar Ibrahim, 2022). Berdasarkan definisi daya cipta tersebut, ia tergambar dalam *Neon* apabila watak Neo berusaha mengubah hidupnya dengan merancang untuk melaksanakan perniagaan pakaian T-shirt.

“Saya rasa saya jual baju-T lagi bagus. Ringan sikit. Boleh saya bawa satu atau dua beg. Hampar plastik, kemudian pamer baju.”

(*Neon*, 2018:126)

Perbincangan antara Neo dan Liza mendapat kata putus apabila Neo berhasrat menjual pakaian T-shirt di kawasan tumpuan orang ramai iaitu KLCC. Umum mengetahui, latar tempat tersebut merupakan kawasan tumpuan orang ramai kerana Kuala Lumpur merupakan pusat ekonomi. Hal ini kerana terdapat pusat beli-belah, gedung perniagaan makanan dan minuman dan pusat perkhidmatan. Tindakan Neo berniaga di KLCC adalah suatu tindakan yang tepat kerana menjanjikan pulangan yang lumayan. Perkara ini menunjukkan bahawa daya cipta Neo mencuba melakukan perniagaan baharu adalah sebagai usaha yang dapat menyumbang kepada kelangsungan hidup beliau. Ia juga memaparkan keadaan Neo yang bergantung dengan hasil peniagaannya untuk menampung perbelanjaan hariannya. Walaubagaimanapun, daya cipta perniagaan pakaian T-shirt tidak bertahan lama kerana Neo dikenakan tindakan sita oleh pihak berkuasa Kuala Lumpur. Hal ini memaparkan kegagalan Neo meningkatkan taraf hidup beliau. Kegagalan mencipta punca pendapatan sendiri berterusan sehingga Neo sendiri menjadi gelandangan akibat hilang pendapatan. Pada tahap ini, Neo mengalami penyisihan sosial yang melangkaui isu kemiskinan kerana berkait dengan ketidakupayaan golongan miskin untuk melibatkan diri dalam kehidupan ekonomi, politik dan budaya (sosial) (Figueroa, 2006 dlm Mohd Adib Ismail, et al, 2020). Dalam hal ini, Imaen memaparkan kekreatifan beliau mengolah penceritaan sehingga menunjukkan watak Neo yang tidak mampu melibatkan diri dalam ekonomi. Ia secara tidak langsung memberi kesan kepada khalayak terhadap kemiskinan yang terpaksa dihadap watak Neo.

Ihsan itu sinonim dengan peduli dan belas kasihan (Anwar Ibrahim, 2022). Rakyat harus menghayati nilai ihsan dengan penuh rasa kejujuran serta tekad yang ampuh untuk memartabatkan semua anggota masyarakatnya daripada sudut ekonomi, kewangan, sikap dan tingkah laku yang melonjakkan kedudukan rakyat ke arah manusiawi dengan dihiasi nilai hormat dan kemampanan serta daya cipta beretika dan sejahtera (Anwar Ibrahim, 2022).

Nilai ihsan tergambar dalam *Neon* apabila watak Neo menerima ‘durian runtuh’ yang mengubah hidupnya. Tidak lama selepas Neo diterima kerja dengan syarikat Khomeini, beliau berjumpa dengan Pak Man untuk bertanya khabar dan berhasrat membawa Pak Man tinggal serumah dengannya apabila mempunyai rumah sewa baru. Pertemuan dengan Pak Man

diibaratkan sebagai ‘durian runtuh’ kerana tidak semena-mena Pak Man memberi sejumlah wang yang agak banyak kepada Neo. Hal ini dapat dibuktikan melalui dialog Pak Man dan Neo:

“Adalah tiga ratus empat puluh lima ribu lebih- lebih.”

Neo terlopong sekejap. “Banyak tu Pak Man, tak berani saya.”

(*Neon*, 2018: 376)

"Pak Man nak bagi semua duit Pak Man dalam akaun Neo tu pada Neo."

Neo berhenti memamah. Dia rasa macam tak percaya dengan apa yang dia dengar. Biar betul Pak Man ni, ratus ribu dalam tu. Tapi nak suruh Pak Man ulang sekali lagi pun rasa macam pelik juga.

"Dengan duit tu, Pak Man rasa boleh Neo berhenti kerja dengan syarikat tu. Tak elok bersubahat dengan mereka yang buat buku tak bagus tu. Buku tu makanan jiwa, kalau buku tak elok, boleh rosak jiwa orang yang membacanya. Kita yang kerja dengan syarikat itu pun akan ditanya di sana nanti mengapa kerja dengan syarikat itu. Kata Imam Ghazali, bahkan selaput pada biji kurma yang kita buang selepas makan tu pun akan ditanya.

(*Neon*, 2018: 381)

Pemberian sejumlah wang yang banyak kepada Neo adalah kerana tekad atau sifat ihsan Pak Man terhadap Neo supaya berhenti bekerja dengan Khomeini. Hal ini kerana Pak Man meengetahui bahawa Khomeini beraliran sosialis, Marxist dan pemikiran sealiran dengan komunisme yang bertentangan dengan konsep demokrasi Malaysia. Keihsanan Pak Man memberi wang kepada Neo membuka peluang baru buat Neo untuk memulakan hidup baharu. Tindakan Pak Man bertepatan dengan konsep ihsan dalam Madani bahawa sikap ihsan dapat membangunkan masyarakat dari sudut ekonomi dan kewangan (Anwar Ibrahim, 2022). Justeru itu, sifat ihsan mengubah bentuk aktiviti ekonomi Neo daripada bekerja bergaji kepada mengusahakan ladang ternakan kambing di Kelantan beberapa bulan selepas kes rompakan bank oleh geng kongsi gelap Khomeini:

Beberapa bulan selepas berkahwin, Neo berhenti kerja. Dia beli lima ekar tanah di Kuala Krai, Kelantan dan buka sebuah ladang ternakan kambing susu dan daging.

(*Neon*, 2018: 474)


Keihsanan Pak Man membuka peluang ekonomi kepada Neo. Hal ini kerana Neo mampu mengeluarkan modal untuk memulakan perniagaan penternakan kambing. Pembukaan ladang kambing seperti yang dinyatakan Imaen juga memaparkan daya cipta kerana berusaha membuat pembaharuan terhadap kehidupan Neo. Tindakan Neo melaksanakan perniagaan tersebut. situasi ini turut memaparkan daya cipta seseorang individu. Situasi tersebut menepati dengan daya cipta Madani iaitu sebuah pembaharuan, reka cipta, dan reka baharu (Anwar Ibrahim, 2022). Neo mengubah strategi untuk kekal stabil dalam kewangan dengan mencipta perniagaan sendiri untuk keberlangsungan pendapatan beliau.

Berdasarkan hasil analisis, rukun Madani yang diberi penyesuaian dalam novel ini ialah kemampuan, kesejahteraan, daya cipta dan Ihsan. Kemampuan sosioekonomi tergambar dalam watak Neo apabila beliau mampu berbelanja mewah di Restoran Tipu Sultan. Hal ini memaparkan keadaan kewangan Neo yang stabil sehingga memberi kesan kepada corak perbelanjaannya. Kemampuan dalam novel ini juga tidak dapat dicapai kerana ketidakstabilan ekonomi negara yang telah menggugat pendapatan Neo. Hal ini mengakibatkan beliau tidak dapat mengamalkan rutin berbelanja di pasaraya mewah seperti sebelum beliau menjadi penganggur berikutan simpanannya hanya digunakan untuk keperluan asas sahaja. Situasi ini mencerminkan perubahan sosioekonomi terhadap watak Neo. Daya cipta tercapai dengan

pemaparan episod Neo mencuba memulakan peniagaan baju T-shirt di KLCC. Selain itu, Neo juga mengusahakan ladang kambing yang memberi pulangan kepada beliau. Berdasarkan kreativiti Neo mengubah nasib hidupnya, aktiviti ekonomi beliau berubah daripada bekerja bergaji kepada mengusahakan perniagaan sendiri. Dalam ekonomi juga mementingkan ihsan daripada pihak lain seperti mana ditunjukkan Imaen melalui watak Pak Man yang memberi sebilangan nilai wang yang besar kepada Neo sebagai modal untuk memulakan hidup baru. Justeru, gambaran situasi dalam novel *Neon* mengenai sosioekonomi Madani dapat disesuaikan dengan sebahagian rukun Madani iaitu kemampuan, kesejahteraan, daya cipta dan ihsan.

4.2 Cabaran ekonomi Madani

Merujuk kepada kerangka dasar ekonomi Madani, halangan wujud disebabkan kerumitan, percanggahan dan kekacauan. Kerumitan mengikut kerangka Madani yang turut merujuk sarjana barat iaitu Scott E page dalam *Diversity and Complexity* (2010), kerumitan itu wujud antara keteraturan dan kerawakan yang juga sukar dijelaskan, diubah, dicipta atau diramal (Anwar Ibrahim, 2022). Percanggahan wujud daripada institusi, birokrasi, kumpulan berkepentingan, parti-pati pembangkang, demonstrasi, gerakan radikal atau perhimpunan jalanan yang hadir dalam bentuk risiko (Anwar Ibrahim, 2022). Percanggahan terbit daripada unsur politik, kepentingan peribadi, syarikat besar dan konglomerat (Anwar Ibrahim, 2022). Kekacauan dari sudut pandang dasar Madani adalah elemen kemasyarakatan dan kebudayaan yang mampu mengakibatkan kekacauan. Ia juga mengambil kira dampak domestik, global dan perubahan iklim terhadap negara (Anwar Ibrahim, 2022). Berpandukan penjelasan tersebut, kekacauan itu ialah keadaan tidak aman yang timbul akibat sekelompok masyarakat berbudaya merancang gerakan atau konpirasi sehingga mengundang huru-hara pada peringkat domestik dan global.



RAJAH 1. Halangan Ekonomi Madani
Sumber : Anwar Ibrahim 2022

Rajah 1 merupakan kerangka halangan yang terdapat dalam Madani. Ketiga-tiga elemen tersebut dijadikan panduan untuk menganalisis cabaran ekonomi yang terkandung dalam kreativiti novel *Neon*. Berdasarkan definisi yang telah dinyatakan, cabaran ekonomi dalam *Neon* jelas sekali tergambar melalui watak-watak terutama sekali watak Neo. Secara spesifik, kerumitan dan percanggahan ini berlaku terhadap watak Neo yang berusaha keluar daripada lingkungan penganggur. Manakala, kekacauan boleh berlaku pada negara kerana tindakan sekelompok masyarakat yang merancang penggulingan negara sehingga tidak dapat dikesan oleh sesebuah institusi kerajaan.

Berdasarkan kerangka ekonomi Madani, kerumitan berpunca daripada kerawakan yang sukar dijelaskan, diubah, dicipta dan diramal. Hal ini bertepatan dengan situasi watak Neo yang terjebak dengan kitaran ekonomi sesebuah negara yang sukar diramal. Watak tersebut menghadapi keumitan menstabilkan kewangan beliau selepas pembuangannya di sebuah

institusi perbankan swasta iaitu bank Jacob and Cohen dengan harapan pihak atasan dapat mengurangkan kos operasi institusi tersebut. Secara tidak langsung, watak tersebut tiada pendapatan untuk menampung komitmen bayaran rumah sewa dan perbelanjaan hariannya serta kehendak. Tindak balas daripada situasi tersebut, Neo bertindak memulakan perniagaan sendiri sebagai punca pendapatannya. Memulakan perniagaan bukan suatu perkara yang mudah kerana Neo mengalami kerumitan mencipta produk. Watak Neo dan Liza menghadapi kerumitan untuk menentukan perniagaan yang sesuai dan tidak memakan kos yang tinggi kerana Neo bimbang simpanannya akan berkurang. Hal ini merujuk kepada proses membuat keputusan perniagaan antara Liza dan Neo:

“Kita fikir la apa-apa yang tak perlu awak bawa dengan kereta. Dan awak pun tak payahlah berniaga sepanjang hari. Pagi awak cari kerja, petang atau malam, awak berniaga.”

Neo angguk. Bagus juga, sementara dia tak dapat kerja ni. “Tapi saya nak jual apa ya?”
“Burger?”

“Berniaga makanan semua kena ada logistik. Semua kena pakai kenderaan. Dan tetaplah kena keluar duit banyak, nak buat gerai atau beli meja. Takkan nak hampar tikar.”

(*Neon*. 2018: 126)

Kerumitan tersebut bertambah apabila beliau tiada pengalaman dalam dunia perniagaan, Dengan simpanan yang sedikit Neo perlu mengambil kira kos pengeluaran yang tidak memberi risiko kerugian. Jangkaan masa depan yang sukar diramal turut menyukarkan Neo memulakan perniagaan. Buktinya, dalam petikan di atas ini, penulis menyatakan penjualan burger memerlukan kelengkapan logistik seperti kenderaan untuk memenuhi stok bahan mentah seperti roti, sayuran dan kelengkapan lain. Selain itu, tapak perniagaan perlu mengikut piawai penjualan makanan yang ditetapkan Kementerian Kesihatan. Semua perkara itu memerlukan banyak kos pengeluaran. Lebih-lebih lagi Neo penganggur yang belum pasti perniagaan tersebut mampu bertahan dalam pasaran dan mampu menampung kos sara hidup beliau.

Percanggahan boleh hadir dalam bentuk risiko. Realiti sebuah perniagaan memandang risiko sebagai perkara penting untuk merancang kelangsungan sesebuah perniagaan. Umumnya, para usahawan akan menghadapi risiko sosial, bencana alam, ekonomi dan politik. Dari sudut yang lebih mendalam, risiko kewangan selalu menjadi masalah dalam sesebuah firma. Pengurusan risiko kewangan adalah sebahagian daripada pengurusan risiko perniagaan yang menggunakan pendekatan berstruktur dalam mengurus risiko kewangan seperti risiko modal, risiko kredit, risiko kadar faedah dan risiko kadar tukaran wang (Fatimah Hassan dan rakan-rakan. 2021). Berbeza dengan situasi Neo, beliau beliau menghadapi risiko kekangan dari pihak lain yang memberi kesan buruk kepada aktiviti perniagaan cucian kereta. Berikut merupakan situasi Geng Thugee menghalau Neo:

“Lu tak boleh basuh kereta di sini, ini kawasan kami orang jaga.” Kata lelaki berbadan besar yang bajunya sedikit terbuka ...

... “Ini kawasan Bandaraya punya la.” Kata Neo dengan suara sinis.

“Ini kawasan Jemadar punya... itu Bandaraya punya orang pun takut sama itu Jemadar.” Bantah lelaki itu.

"Jemadar?"

"Ketua Geng Thugee... itu Jemadar abang kawasan sini. Kalu mahu basuh kereta sini juga, kena bayar sama itu Jemadar."

(*Neon*. 2018: 171)

Perkara tersebut memaparkan pihak berkepentingan Geng Thugee yang diketuai oleh Jemadar menghalang punca rezeki Neo. Geng kongsi gelap tersebut mengganggu Neo mengganggu 'periuk nasi' mereka kerana melakukan pekhidmatan cucian kereta secara menjaja di kawasan mereka. Bagi Neo, mana-mana tempat adalah milik awam dan masing-masing boleh menikmati kemudahan yang tersedia. Secara langsung, penulis mendedah isu terpicil gangsterisme yang berlaku di zon bandar. Gangsterisme bukan sahaja mengganggu aktiviti perniagaan malah menjejaskan ketenteraman masyarakat. Situasi ini berkait rapat dengan konsep percanggahan Madani kerana ia wujud daripada pihak berkepentingan. Dalam petikan tersebut jelas sekali memaparkan Geng Thugee yang mendesak Neo untuk membayar wang pendahuluan kepada mereka. Hal ini kerana pihak mereka mempunyai kepentingan untuk menjaga kawasan tersebut sebagai alat untuk memperoleh pendapatan hasil pemerasan terhadap golongan yang cuba mengganggu kawasan mereka.

Selain daripada Neo yang menghadapi cabaran ekonomi, Imaen memaparkan kekreatifannya dengan menjadikan watak Neo sebagai perantara untuk menyampaikan krisis ekonomi kerajaan Mughal. Situasi tersebut merupakan gambaran kekacauan seperti yang dinyatakan kerangka ekonomi Madani bahawa kekacauan hadir daripada elemen kemasyarakatan dan kebudayaan. Hal ini tergambar dalam *Neon* apabila Neo memerihalkan kejatuhan ekonomi Mughal yang berpunca daripada penaklukan Deccan oleh Aurangzeb kepada Liza:

“Ekonomi Mughal merosot bukan sebab Taj Mahal tapi sebab kempen penaklukan Deccan oleh Aurangzeb. Kalau tak silap saya kempen tu selama lapan tahun. Perang ni mahal, Liza. Kan Jack Ma dah kata, ekonomi Amerika tu terjejas sebab Amerika suka berperang.”

(*Neon*. 2018: 7)

Mughal merupakan sebuah kerajaan yang bertapak di India. Kerajaan tersebut dinaungi oleh Raja Syah Jahan yang cekap memerintah kerajaan tersebut. Rata-rata para pengkaji sejarah mengklasifikasi tempoh daripada tahun 1526 hingga 1707M sebagai The Age of Great Mughals disebabkan pemerintahan Mughal ketika itu sedang meniti zaman pementapan dan kegemilangan, baik dalam aspek politik, ekonomi, sosial dan ketamadunan (Mohd Roslan Mohd Nor dan Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashar, 2017). Zaman kemuncak pemerintahan Syah Jahan berlaku apabila berlaku perebutan kuasa antara anak-anaknya terutama sekali Aurangzeb dan Dara Shikuh. Penaklukan Deccan oleh Aurangzeb merupakan suatu elemen kemasyarakatan yang mengundang situasi tidak aman dalam sesebuah negara sehingga menggagu keadaan ekonomi. Umumnya, strategi penaklukan tidak dapat dikesan oleh pihak yang akan ditakluk seperti mana yang tergambar dalam *Neon*. Perkara ini bertepatan dengan kekacauan yang sukar dikesan dan dipantau serta ditanggapi pergerakan yang menuju kepada kekacauan (Anwar Ibrahim, 2022).

Secara keseluruhannya, cabaran untuk mencapai dan mengekalkan kestabilan kewangan semasa krisis ekonomi tergambar dalam kreativiti novel *Neon*. Berdasarkan halangan ekonomi Madani, Neo menghadapi kerumitan untuk menentukan produk perniagaannya dengan mengambil kira kos pengeluaran yang tidak memberi kesan kerugian. Selain itu, Neo turut menghadapi percanggahan semasa melakukan aktiviti ekonomi apabila beliau dihalang oleh Geng Thugee menentang keberadaannya yang melaksanakan khidmat cucian kereta berbayar kepada pengguna kenderaan yang berada di kawasan tersebut. Situasi tersebut jelas sekali menghalang Neo memiliki pendapatan yang secara tidak langsung sebagai sumber pendapatan beliau. Selain halangan yang dialami Neo dalam ekonomi, Imaen menggunakan watak Neo untuk menyatakan kemerosotan ekonomi kerajaan Mughal yang berpunca daripada kekacauan yang muncul daripada Aurangzeb. Kekacauan yang muncul

daripada elemen kemasyarakatan dan kebudayaan menggugat kestabilan ekonomi kerajaan Mughal. Jelaslah bahawa ketiga-tiga halangan ekonomi Madani iaitu kerumitan, percanggahan dan kekacauan dapat dihubungkan dengan kreativiti novel *Neon*.

5. Cadangan dan Rumusan

Berdasarkan hasil perbincangan, antara rukun Madani yang dapat diaplikasi dalam novel *Neon* ini ialah kemampunan, kesejahteraan, daya cipta dan ihsan. Semua rukun tersebut mempengaruhi sosioekonomi yang terkandung dalam novel tersebut. kemampunan dalam *Neon* tercapai melalui pemaparan watak Neo yang stabil dari segi kewangan. Kemampunan juga tidak dapat dicapai setelah faktor kesenjangan ekonomi mengubah corak aktiviti ekonomi Neo sehingga menjurus beliau kepada penganggur dan gelandangan. Walaupun Neo telah mendapat pekerjaan selepas menjadi gelandangan, beliau tidak mencapai kesejahteraan mental kerana terpaksa bekerja dalam budaya bebas. Hal ini menjurus Neo meletak jawatan dan sekali lagi beliau menjadi penganggur. Kesejahteraan ekonomi masih belum dicapai oleh Neo sehingga beliau menerima ihsan wang daripada Pak Man yang mendorong Neo mencipta perniagaan ladang kambing. Secara keseluruhannya, kemampunan, kesejahteraan, daya cipta dan ihsan mempengaruhi sosioekonomi watak Neo. Status sosioekonomi Neo memperlihatkan perubahan yang tidak signifikan iaitu mengalami kekayaan, kesederhanaan dan kemiskinan.

Novel *Neon* juga memaparkan cabaran ekonomi yang dihadapi watak dan situasi yang digambarkan penulis mengenai cabaran yang dihadapi oleh sesebuah kerajaan atau negara. Watak Neo menerima cabaran atau halangan berbentuk kerumitan dan percanggahan semasa beliau mencuba untuk mencari peluang pendapatannya sendiri. Kekacauan pula timbul dalam situasi yang berlaku dalam Kerajaan Mughal seperti yang digambarkan oleh Imaen iaitu penaklukan Deccan oleh Aurangzeb. Rumusnya, kreativiti Imaen membangkitkan latar ekonomi dalam *Neon* (2018) amat bersesuaian dengan kerangka Madani kerana isu tersebut sentiasa menjadi 'buah mulut' sama ada di peringkat arus perdana atau peringkat atasan.

Berdasarkan penelitian, pendekatan lain boleh diketengahkan terhadap kreativiti novel *Neon* seperti pendekatan realisme, dakwah dan pengkaedahan Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana penulis novel ini mempelbagaikan idea penyampaian beliau. Bukan sahaja terhad kepada latar ekonomi tetapi juga memasukkan unsur dakwah. Selain itu, penulis juga memaparkan isu terpendam iaitu realiti hidup sebagai gelandangan yang mengalami penyisihan sosial.

Rujukan

- Schramm, W. (1982). *Men, Women, Messages, and Media: Understanding Human Communication*. 2nd ed. New York: Harper & Row
- Abdullah Abd Aziz Abid. (1985). *Dirasat Fi al-Iqtisad al-Islam*. Kaherah: Markazu al-Alami al-Ibhath al-Iqtisad al-Islam.
- Anwar Ibrahim. (2022). *Membangun Negara MADANI Visi Dan Kerangka Dasar Reformasi*. Shah Alam: IDE Research Centre Sdn. Bhd. Retrieved from <https://malaysiamadani.gov.my/pengenalan/>

- Basri Abd Ghani. (2003). Falsafah ekonomi Islam: satu pengenalan. *Jurnal Intelek*. Edisi 1: 39-45. Retrieved from AJ_BASRI ABD GHANI JI 03.pdf (uitm.edu.my)
- Basri Abd Ghani. (2004). Pengertian ekonomi dan iqtisad dalam pendisiplinan dan skop ekonomi Islam. *Jurnal Intelek* 2(1): 69-72.
- Elmi Baharuddin & Zainab Ismail. (2016). Matlamat kecerdasan rohaniah menurut perspektif Islam. *Jurnal Hadhari* 8(1): 168-185. Retrieved from 14130-38829-1-SM.pdf (ukm.my)
- Fatimah Hassan, Zulhadi Yaacob & Fazelina Sahul Hamid. (2021). Pengurusan risiko perniagaan dalam kalangan usahawan belia makro di Pulau Pinang. *Jurnal Dunia Perniagaan* 3(3): 12-24. Retrieved from View of Pengurusan Risiko Perniagaan Dalam Kalangan Usahawan Belia Mikro di Pulau Pinang (mohe.gov.my)
- Halis Azhan Mohd. Hanafiah. (2013). Pembinaan negara dalam tikus rahmat dan perlembagaan persekutuan: suatu kajian perbandingan. *Jurnal Melayu* 11(2013): 1-13. Retrieved from <http://ejournal.ukm.my/jmelayu/issue/view/539>
- Harun Mat Piah. (2006). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hursh, S. R. (1980). Economic concept for the analysis of behavior. *Journal of The Experimental Analysis of Behaviour*. 2(34): 219-238. Retrieved from jeabehav00080-0087.pdf (nih.gov)
- Imaen. (2018). *Neon*. Bangi: Jemari Seni Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2023). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Schramm, W. (1982). *Men Women Massage and Media: Understanding Human Communication*. 2nd ed. New York: Harper and Row.
- Md. Asham bin Ahmad. (2023, Februari 2). *Membangun masyarakat Madani dengan wacana ilmu*. Retrieved from <https://www.ikim.gov.my/index.php/2023/02/03/membangun-masyarakat-madani-dengan-wacana-ilmu/>
- Md Hasri Rajali. (2016). Pemikiran Kassim Ahmad terhadap sosialisme: suatu tinjauan awal, tahun 1968-1984. *Jurnal Kemanusiaan* 25(2): 35-46. Retrieved from <https://jurnalkemanusiaan.utm.my/index.php/kemanusiaan/article/view/64/60>
- Mohd Adib Ismail, Nik Mohd Azim Nik Ab. Malik, Shahida Shahimi & Muhammad Hakimi Mohd Shafiai. (2020). Pendefinisian penyisihan sosial menurut dimensi ekonomi. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 54(2): 149-156. Retrieved from jeko_54(2)-13.pdf (ukm.my)
- Mohd Fuad Othman, Mohd, Aderi Che Noh, Maimun Aqsha Lubis & Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan. (2017). Pendidikan Rohani berasaskan sains al-Quran. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilisation* 1(1):64-77. Retrieved from [posisi_hadist_disamping_alquran_1-libre.pdf \(dlwqtxts1xzle7.cloudfront.net\)](https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol45no1.2)
- Mohd Roslan Mohd Nor & Mohamad Zufazdlee Abul Hassan Ashari. (2017). Kemelut Politik Mughal pada Penghujung Era Pemerintahan Shah Jahan. *Jurnal Usuluddin* 45(1): 27-59. Retrieved from <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol45no1.2>

- Sheila Michael, Abdul Said Ambutong, Mohamad Nizam Nazarudin & Christina Andin. (2021). Status sosioekonomi: satu cabaran penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum sekolah menengah. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities*, 6(6):178-186. Retrieved from Status sosioekonomi: Satu cabaran penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum sekolah menengah - UMS INSTITUTIONAL REPOSITORY
- Shuhairimi Abdullah, Noor Salwani Hussin, Tunku Salha Tunku Ahmad, Nurul Naimah Rose, Siti Nor Ayu Basir, Adi Anuar & Abdul Jalil Ramli. (t.t). Masyarakat Madani di Malaysia: satu penelitian. *Prosiding Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara*. Retrieved from PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG KECUAIAN DI DALAM MENANGANI PENCEMARAN ALAM SEKITAR DI MALAYSIA (unimap.edu.my)
- Siti Normala Hamzah. (2021). Pencitraan polemic ekonomi orang Melayu dalam Filem *Abang*. *Jurnal Komunikasi* 37(3): 73-92. Retrieved from <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2021-3703-05>